

11/04/1997

Pelbagai acara meriahkan GP Malaysia

GRAND Prix Motosikal Malaysia 1997 akan bertambah meriah apabila pelbagai persembahan menarik diadakan di Litar Shah Alam, Ahad ini.

Selepas majlis perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, persembahan diteruskan dengan perarakan pancaragam polis, pancaragam Malaysia Airports Berhad (MAB), kumpulan pom-pom, pembawa bendera, penari dan chingay.

Selesai semua persembahan itu barulah perlumbaan kelas 125cc dimulakan pada jam 11.15 pagi, diikuti 250cc pada 12.30 tengahari dan akhirnya acara 500cc pada jam 2 petang.

Promoter Grand Prix tahun ini, MAB, yakin ramai penonton akan membanjiri litar berkenaan.

Penonton televisyen di 130 negara akan menyaksikan perlumbaan itu. Litar Shah Alam boleh memuatkan kira-kira 34,000 penonton dengan 10,000 yang datang awal akan menerima topi.

Penonton akan juga berpeluang menyaksikan kemunculan motosikal baru, Modenas KR3, beraksi.

(END)